

Headline	<b>Teknologi Canggih Sistem Ramalan Ikan Dibangunkan</b>		
Date	<b>18. Jun 2009</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Page No	<b>13</b>
Section	<b>Megabait</b>	Article Size	<b>278 cm2</b>
Circulation	<b>238082</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>833287</b>	Color	<b>Full Color</b>
		AdValue	<b>5503.77</b>



## Teknologi canggih sistem ramalan ikan dibangunkan



RAHIM Ismail (dua kiri) bertukar dokumen dengan Abd. Wahab Abdullah sambil diperhatikan Ketua Pengarah LKIM, Mustafa Ahamd (kiri) dan Naib Presiden Kanan Mimos, Aziz Abdul Kadir (kanan) semasa majlis menandatangani memorandum persetujuan pembangunan sistem ramalan perikanan antara LKIM dengan Mimos

MIMOS Berhad (Mimos) baru-baru ini menandatangani memorandum persetujuan (MoA) dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi membangunkan Sistem Ramalan Ikan (FSS), satu teknologi baru yang dijangka memberi impak besar kepada industri perikanan laut dalam.

Pembangunan teknologi tersebut adalah bersesuaian dengan meningkatnya penangkapan ikan bernilai RM11 bilion menjelang tahun 2010 dan terkandung dalam sasaran Rancangan Malaysia ke 9 (RMK-9).

Di bawah persetujuan berkenaan, Mimos akan mereka bentuk dan membangunkan FFS termasuk pembangunan model lokasi ramalan, pembangunan portal pangkalan data dan sistem penyebaran maklumat bagi menyebarkan maklumat lokasi ramalan ikan.

LKIM akan menyediakan kandungan seperti data *in-situ*, lautan dan akustik, tangkapan ikan dan pendaratan ikan.

FSS tersebut dijangka siap pada April 2010 dan akan dapat membantu nelayan menjimatkan antara 20 hingga

pada Ogos 2007.

FSS merupakan projek pembangunan dan penyelidikan (R&D) hasil kerjasama Mimos, Agensi Remote Sensing Malaysia, Jabatan

Perikanan, LKIM dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) bagi membangunkan sistem yang efisien bagi meramalkan ikan bagi menjadikan industri perikanan.

40 peratus jumlah masa yang digunakan pada lokasi zon perikanan berpotensi berdasarkan pengetahuan dan pengalaman biasa mereka.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, FFS merupakan konsep yang dapat dibuktikan bagi industri perikanan yang akan menggambarkan teknologi tempatan yang boleh digunakan untuk semua sama ada untuk nelayan tradisional atau moden.

"FFS dijangka akan memberikan produktiviti perikanan yang lebih tinggi, meningkatkan taraf kehidupan nelayan dan menjayakan pembangunan mapan bagi industri perikanan di negara ini," katanya.

Pada majlis tersebut, beliau mewakili Mimos manakala LKIM diwakili pengurusinya, Datuk Abdul Rahim Ismail. Turut hadir Ketua Pengarah LKIM, Datuk Mustafa Ahamd dan Naib Presiden Kanan Mimos, Aziz Abdul Kadir.

MoA berkenaan dimeterai ekoran daripada projek FSS yang dimulakan